

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL  
[ PANDAN ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan :-

- a) berapa bilangan terkini yang terlibat dengan program pertanian bandar; dan
- b) apakah usaha yang telah dan akan dilakukan bagi menggalakkan lebih ramai menceburi pertanian bandar terutama golongan B40.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Pertanian (DOA) telah menjalankan Program Pertanian Bandar atau Program Kebuniti bagi membantu penduduk bandar dan pinggir bandar untuk mengurangkan kos sara hidup menerusi aktiviti pertanian dalam meningkatkan hasil tanaman makanan di kawasan bandar dan pinggir.

## SOALAN NO : 36

Sepanjang pelaksanaan Program Pertanian Bandar bermula pada tahun 2014 sehingga 2020, seramai 165,207 orang peserta dari 22,385 lokasi seluruh negeri Semenanjung Malaysia termasuk Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan telah menerima manfaat dengan jumlah peruntukan sebanyak RM 64.82 juta. Jumlah peserta tersebut melibatkan 47,938 individu, 42,482 komuniti, 23,135 institusi dan 51,652 sekolah.

Susulan daripada kejayaan pelaksanaan Program Pertanian Bandar, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada tahun 2020 bagi membantu penduduk bandar dan pinggir bandar yang terkesan dengan penularan wabak pandemik COVID-19. Peruntukan ini telah memberi manfaat kepada 23,104 orang membabitkan 16,405 lokasi di seluruh Malaysia. Sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat telah mendorong kerajaan untuk memberi tambahan peruntukan sebanyak RM30 juta bagi Program Pertanian Bandar pada tahun 2021. Peruntukan tambahan ini telah memberi manfaat kepada 39,608 orang melibatkan 25,775 lokasi di seluruh Malaysia.

Bagi menyokong kesinambungan Program Pertanian Bandar ini, Kerajaan juga telah meluluskan sebanyak RM 50 Juta di bawah RMKe-12 untuk tempoh selama 5 tahun. Antara bantuan/insentif yang diberikan di bawah program ini adalah:

- a) Bahan input (Baja, Biji Benih, Media tanaman – tanah campuran, sabut kelapa, *peatmoss*);
- b) Peralatan kecil pertanian (*planter box/bag*, pasu, peralatan kecil-*gardening tools*, cangkul, *secateurs* dan lain-lain); dan
- c) Sistem tanaman tanpa tanah - Hidropotik (Sistem Fertigasi Titis, Sistem Nutrient *Film Technique (NFT)*, sistem *Deep Flow Technique (DFT)* yang menggunakan panel solar.

## **SOALAN NO : 36**

Dalam hal ini, bagi menggalakkan lebih ramai menceburi bidang pertanian bandar terutama golongan B40, Jabatan Pertanian (DOA) telah mengambil beberapa pendekatan seperti berikut:-

- a) Pelaksanaan Program Pertanian Bandar di bawah Dasar Komuniti Negara (DKOMN) telah dimulakan sejak awal tahun 2019 di mana program ini telah dilaksanakan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah KPKT di seluruh negara;
- b) Menjalankan promosi aktiviti-aktiviti pertanian bandar melalui media massa dan media sosial seperti Facebook dan Youtube;
- c) Memberi pendedahan awalan konsep pertanian bandar dalam kalangan pelajar sekolah dan penuntut di institusi pengajian tinggi;
- d) Menjalinkan kerjasama strategik dengan agensi berkaitan dalam mempelbagaikan teknologi dan kaedah pertanian bandar untuk disesuaikan dengan persekitaran di bandar;
- e) Menggalakan program mentor - mentee antara mereka yang sudah berjaya melaksanakan program pertanian bandar dengan mereka yang baharu ingin menceburi pertanian bandar juga akan dilaksanakan; dan
- f) Menggalakan aktiviti tambah nilai seperti penghasilan kompos daripada sisa buangan pertanian bandar dan penghasilan produk Industri Asas Tani juga dilaksanakan bagi menjana pendapatan daripada aktiviti di sepanjang rantai nilai.

Sekian, terima kasih.